

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Komunikasi Korporat Kumpulan
Tingkat 31, Menara Bank Islam
No. 22 Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Telefon 03 2088 8000
Faks 03 2781 2998
www.bankislam.com.my

BANK ISLAM RAI KEMERIAHAN AIDILADHA BERSAMA KOMUNITI NELAYAN DI PULAU PINANG

Sumbang zakat bernilai RM26,500 demi manfaat penduduk

PULAU PINANG, Rabu, [14 Ogos 2019]: Bank Islam Malaysia (“Bank Islam”) dengan kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (“LKIM”) hari ini menganjurkan Program AMAL Ihtimam Korban 2019/1440H di Kampung Nelayan Teluk Tempoyak, Batu Maung, Pulau Pinang. Program ini merupakan sebahagian daripada aktiviti tanggungjawab korporat tahunan Bank Islam untuk menyantuni dan berkongsi rezeki dengan komuniti sekitar, khususnya dalam meraikan kemuliaan sambutan Aidiladha. Bank Islam memperuntukkan hampir RM80,000 untuk melaksanakan program murni ini termasuk RM23,300 sumbangan warga Bank Islam yang mengambil bahagian dalam ibadah korban dan sumbangan zakat bernilai RM26,500 yang diagihkan kepada 101 asnaf di sekitar kampung tersebut.

Program bermula di sebelah pagi dengan acara gotong-royong menyembelih dan melapah lima ekor lembu korban, hasil penyertaan warga Bank Islam yang melaksanakan ibadah korban mereka. Daging tersebut kemudiannya diagihkan kepada lebih 200 penerima yang layak di sekitar kampung tersebut.

Bank Islam turut mengadakan Ziarah AMAL ke lima buah rumah asnaf yang uzur dan kurang upaya bagi menyampaikan sumbangan dana zakat Bank dan barangan keperluan asas kepada setiap keluarga.

Selain itu, pengisian program turut melibatkan penganjuran Kursus Asas Sembelihan untuk anak-anak berumur 13 tahun ke atas dan Kursus Pengurusan Jenazah untuk golongan dewasa kampung berkenaan.

Ketika berucap di majlis Program AMAL Ihtimam Korban 2019/1440H, Encik Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff, Ketua Pegawai Operasi Bank Islam berkata, “Dalam meraikan kemeriahan Aidiladha ini, Bank Islam menyampaikan sumbangan zakat kepada 101 keluarga asnaf dari keluarga Persatuan Nelayan Kawasan (“PNK”) Pulau Pinang, di samping berpeluang mendekati dan beramah mesra dengan komuniti nelayan di sini.”

“Secara keseluruhannya, peruntukan melalui dana zakat dan dana AMAL Bank Islam ini kami kongsi bersama-sama penerima manfaat dan 400 penduduk sekitar Kampung Nelayan menerusi program AMAL Ihtimam Korban 2019 ini.”

Program ini turut dihadiri oleh YB Tuan Muhammad Faiz Fadzil, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bankislam.com.my

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Wan Norkhairi Wan Samad Head, Group Corporate Communications Bank Islam Malaysia Berhad Level 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Fax: 03-2781 2998 Email: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.my	Omar Atin Media Relations & Editorial, Group Corporate Communications BIMB Holdings Berhad Level 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Fax: 03-2781 2998 Email: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
--	---